

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD  
[LANGKAWI - BN ]**

**SOALAN NO. 262**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan selain daripada pembukaan Akademi Badminton Malaysia (ABM) di Bukit Jalil baru-baru ini, apakah perancangan dan usaha lain pihak Kementerian dalam menaikkan lagi martabat dan nama Malaysia dalam sukan badminton di persada antarabangsa.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari mewujudkan **Akademi Badminton Kebangsaan** di Bukit Kiara, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam usaha memastikan pencapaian berterusan sukan badminton di peringkat antarabangsa. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah termasuklah mewujudkan **program pembangunan akar umbi** sukan badminton secara konsisten di peringkat Pusat Latihan Daerah (PLD), Program Pelapis Negeri dan Program Pelapis Kebangsaan. Manakala program latihan atlet yang menumpukan kepada pencapaian di temasya sukan antarabangsa seperti temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik dilaksanakan melalui **Program Kita Juara** dan **Program Podium**.
2. Selain itu, pelantikan **Morten Frost Hansen** sebagai Pengarah Teknikal di Persatuan Badminton Malaysia (BAM) merupakan salah satu perancangan jangka panjang dalam usaha melahirkan lebih ramai pelapis badminton negara khususnya dalam persediaan ke arah Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Sekian, terima kasih.